

Headline	Tokio Marine Life perkenal khidmat digital terbaru e-Claims		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Aug 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Bisnes	Page No	39
ArticleSize	91 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,755		



Kuala Lumpur

Tokio Marine Life perkenal khidmat digital terbaru e-Claims

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd (Tokio Marine Life) memperkenalkan perkhidmatan digital terbaru, e-Claims yang memberi peluang kepada pelanggan untuk membuat tuntutan atas talian menerusi portal tanpa mengira waktu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Toi See Jong berkata, pelanggan hanya perlu log masuk ke portal pelanggan, mengisi maklumat tuntutan, memuat naik dokumen tuntutan dan menghantarnya selepas pengesahan maklumat perbankan.

Beliau berkata, servis itu

adalah selamat, lebih peribadi dan pantas yang turut hadir bersama ciri-ciri pintar yang mengesan polisi kepada manfaat yang relevan dengan tuntutan.

"Ketika proses tuntutan dilakukan, pemohon tuntutan akan menerima notifikasi e-mel dan SMS bagi setiap maklumat yang diberikan.

"Kami menumpukan untuk menjadi lebih mesra pengguna. Jadi usaha ke arah pendigitalan ini memberi peluang dalam memperkenalkan inisiatif serba inovatif bagi meningkatkan pengalaman pelanggan," katanya dalam kenyataan, semalam.